

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

**3755/1**

**PERDAGANGAN**

**Kertas 1**

**Nov./Dis.**

1  $\frac{1}{4}$  jam

Satu jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.


[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

**3755/1** © 2011 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



- 1 Rajah berikut menunjukkan Model Hierarki Keperluan Maslow.




Situasi manakah yang menerangkan tentang keperluan **Z**?

- A Puan Lee menyediakan makanan untuk keluarganya
  - B Encik Maniam mengadakan majlis hari lahir anaknya
  - C Cik Faridah merupakan pelajar terbaik SPM di sekolahnya
  - D Encik Ahmad telah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian
- 2 Apakah perbezaan antara keperluan dengan kehendak?

	<b>Keperluan</b>	<b>Kehendak</b>
A	Kereta mewah, rumah banglo	Makanan, pakaian, tempat tinggal
B	Sama dan tetap	Berbeza dan berubah-ubah
C	Pelbagai pilihan	Mempunyai batasan
D	Perlu untuk hidup selesa	Perlu untuk terus hidup

- 3 Apakah pengeluaran langsung?
- A Pengeluaran yang dijalankan untuk memenuhi keperluan sendiri
  - B Pengeluaran yang dilakukan dengan bantuan pihak lain
  - C Pengeluaran yang dilakukan secara besar-besaran
  - D Pengeluaran yang dijalankan dengan mengamalkan pengkhususan
- 4 Apakah maksud pengkhususan?
- A Menghasilkan barangan yang mempunyai nilai faedah
  - B Membeli dan menjual barangan untuk mendapat keuntungan
  - C Mengagihkan barangan dari pengeluar kepada pengguna akhir
  - D Menumpukan terhadap satu jenis pekerjaan tertentu sahaja

5 Rajah berikut menunjukkan cabang pengeluaran.




Apakah X?

- A Pembinaan
  - B Perniagaan
  - C Perkilangan
  - D Perdagangan
- 6 Apakah industri ekstraktif?
- A Memproses bahan mentah menjadi barang separa siap
  - B Menukarkan bahan mentah menjadi barang siap
  - C Mengeluarkan bahan mentah dari sumber alam
  - D Memasang barang separa siap dan barang siap
- 7 Antara yang berikut, situasi manakah yang berkaitan dengan peranan usahawan kepada masyarakat?
- I Encik Ali membelanjakan RM1 juta untuk mempromosikan produknya
  - II Encik Raman mengupah 100 orang pekerja di kilang baharunya
  - III Encik Seng mengubah suai barang mengikut cita rasa pelanggan
  - IV Encik Albert membeli insurans marin daripada syarikat insurans di London
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 8 Apakah syarat yang membolehkan sistem barter berlaku?
- A Lebihan barang
  - B Barang mudah dibawa
  - C Ketahanan sesuatu barang
  - D Nilai barang stabil

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 9 Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis saluran agihan.



Aktiviti manakah yang menggunakan saluran agihan tersebut?

- A Ali menggunting rambut di Salun Maidin
  - B Ibrahim membeli polisi insurans hayat daripada syarikat takaful
  - C Karim mendapatkan barang keperluan di Pasar Raya Irwan
  - D Pengeluar kasut menghantar keluarannya kepada peruncit
- 10 Encik Ahmad menemukan penjual dan pembeli tanah. Sebagai ganjaran, dia menerima komisen.

Siapakah Encik Ahmad?

- A Prinsipal
  - B Ejen pengeluar
  - C Ejen penjual
  - D Broker
- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga antara Syarikat Putra dengan Kedai Bersatu.

1 Januari 2011	Syarikat Putra menghantar invoice kepada Kedai Bersatu berjumlah RM1 200.
3 Januari 2011	Kedai Bersatu memulangkan barang yang tersalah jenama berjumlah RM500.

Apakah dokumen yang perlu dihantar oleh Syarikat Putra pada 3 Januari 2011?

- A Nota makluman
- B Nota serahan
- C Nota kiriman
- D Nota kredit

- 12 Apakah fungsi peruncit kecil-kecilan kepada pengguna?
- A Memberikan khidmat layan diri
  - B Menyediakan khidmat lepas jualan
  - C Menghasilkan barang mengikut cita rasa pelanggan
  - D Menstabilkan harga barang
- 13 Maklumat berikut merupakan satu keadaan yang menyebabkan pengambilalihan fungsi pemborong.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• E-dagang</li><li>• Kedai katalog</li><li>• Pesanan mel</li></ul> |
|--|

Apakah keadaan tersebut?

- A Pelantikan ejen oleh pengeluar
  - B Bentuk lain peruncitan
  - C Penubuhan kedai sejaras
  - D Barang yang dipesan khas
- 14 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan perniagaan antarabangsa kepada pengguna?
- I Menggalakkan pengkhususan dalam pengeluaran
  - II Menjimatkan kos pengeluaran
  - III Meningkatkan taraf hidup
  - IV Menambahkan pengetahuan baharu daripada penggunaan barang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 15 Apakah eksport tak nyata?
- A Menjual perkhidmatan ke negara lain
  - B Membeli barang dari negara lain
  - C Menjual barang ke negara lain
  - D Membeli perkhidmatan dari negara lain
- 16 Encik Shamsul menghadapi masalah kuota dan tarif semasa mengimport batik dari Indonesia.
- Apakah halangan dalam perniagaan tersebut?
- A Mata wang yang berbeza
  - B Prosedur kastam
  - C Risiko yang tinggi
  - D Kesukaran mendapat maklumat
- 17 Apakah ciri Industri Kecil dan Sederhana?
- A Menceburi aktiviti pembuatan barang separuh siap dan siap
  - B Mempunyai nilai jualan tahunan melebihi RM25 juta
  - C Memiliki dana pemegang syer melebihi RM2.5 juta
  - D Mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa melebihi 150 orang
- 18 Apakah faedah yang dinikmati Industri Kecil dan Sederhana daripada pengaturan kontrak khas?
- A Pasaran yang terjamin
  - B Pembiayaan bank mudah
  - C Pengambilan pekerja mahir bertambah
  - D Penggunaan mesin berteknologi tinggi meningkat

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan satu program kerajaan untuk mengatasi masalah Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

- Meningkatkan integrasi IKS dengan industri berat
- IKS membekalkan komponen penting

Apakah program tersebut?

- A Rantaian industri
  - B Bantuan kewangan
  - C Peningkatan kemahiran
  - D Pembangunan infrastruktur
- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan satu cara memulakan perniagaan.

Seorang usahawan telah membeli Syarikat Ezora Sendirian Berhad dengan nilai RM5 juta.

Apakah cara tersebut?

- A Francais
  - B Warisan
  - C Memulakan sendiri
  - D Mengambil alih
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis milikan perniagaan.

- Menanggung liabiliti tidak terhad
- Bilangan pemilik 2 hingga 20 orang

Apakah jenis milikan perniagaan tersebut?

- A Koperasi
- B Perkongsian
- C Milikan tunggal
- D Perbadanan awam

22 Antara yang berikut, yang manakah kelebihan perkongsian?

- I Risiko perniagaan dapat disebar
  - II Kebebasan membuat keputusan
  - III Perniagaan kekal berterusan
  - IV Mudah ditubuhkan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sejenis pelaburan.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Pendapatan diterima dalam tempoh yang tetap</li><li>• Simpanan boleh dikeluarkan atas permintaan</li></ul> |
|--|

Apakah jenis pelaburan tersebut?

- I Hartanah
  - II Saham
  - III Unit Amanah
  - IV Akaun Pelaburan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

24 Bekalan wang yang kurang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi manakala lebih bekalan wang akan mencetuskan inflasi.

Apakah jenis bank yang dapat mengawal situasi di atas?

- A Bank pusat
- B Bank saudagar
- C Bank perdagangan
- D Bank koperasi



25 Rajah di bawah menunjukkan sejenis cek.


BANK ABC BHD		
Bank CDF Berhad	Bayar	Date : <u>10 Jun 2011</u>
	Pay	Amber Lim <del>Atau Pembawa</del>
	Ringgit	Seribu Sahaja
		RM1,000.00
	<i>Anthony</i>	
012777	01275	012757673

Mengapakah pihak bank tidak mendepositkan cek ini ke dalam akaun pada 1 Jun 2011?

- A Cek mati
  - B Cek bertanda
  - C Cek berpaling khas
  - D Cek bertarikh hadapan
- 26 Apakah yang dikenakan ke atas pinjaman dalam sistem perbankan konvensional?
- A Sewa
  - B Dividen
  - C Faedah
  - D Komisen
- 27 Apakah prinsip insurans yang perlu dipatuhi semasa mengisi borang cadangan?
- A Indemniti
  - B Subrogasi
  - C Penuh percaya mutlak
  - D Doktrin sebab hampiran
- 28 Encik Robert membeli polisi insurans kebakaran daripada Syarikat Insurans Bumi bernilai RM50 000 dan Syarikat Insurans Asia bernilai RM70 000 untuk melindungi rumahnya.
- Jika rumahnya terbakar dan nilai kerugian adalah RM60 000, berapakah pampasan yang akan diterimanya?
- A RM50 000
  - B RM60 000
  - C RM70 000
  - D RM120 000

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 29 Doktrin sebab hampiran adalah perkara yang diambil kira dalam prinsip indemniti. Pernyataan manakah yang menerangkan doktrin tersebut?
- A Insured dibayar ganti rugi jika kerugian yang dialaminya disebabkan secara langsung oleh risiko yang diinsuranskan
  - B Insurer mengambil alih hak milik harta selepas ganti rugi dibayar kepada insured
  - C Insurer memerlukan maklumat benar dalam borang cadangan
  - D Insured akan dibayar ganti rugi mengikut jumlah kerugian walaupun aset yang sama diinsuranskan kepada tiga syarikat insurans
- 30 Apakah kelebihan penggunaan saluran paip gas di rumah kediaman?
- A Penggunaan meluas
  - B Kos pemasangan murah
  - C Masalah kebocoran rendah
  - D Bekalan berterusan
- 31 Gambar berikut berkaitan dengan sejenis pengangkutan darat.



Apakah kelemahan pengangkutan tersebut?

- A Ruang muatan terhad
- B Kerja pemunggahan kurang
- C Kos penyelenggaraan tinggi
- D Tambang mahal untuk jarak jauh

- 32 Apakah perkhidmatan yang diperlukan oleh industri hotel bagi tujuan pengesahan kad kredit pelanggan?
- A Panggilan tanpa tol
  - B Mel elektronik
  - C MAYPAC
  - D Telefaks

- 33 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sejenis gudang.

- Menyimpan barang yang cukainya belum dijelaskan
- Peniaga boleh melakukan kerja-kerja akhir di gudang tersebut

Apakah jenis gudang tersebut?

- A Gudang berbon
  - B Gudang peruncit
  - C Gudang pengilang
  - D Gudang pemborong
- 34 Bagaimanakah gudang membantu menstabilkan harga?
- A Menyediakan ruang yang luas
  - B Mewujudkan sistem perekodan yang lengkap
  - C Menyelaraskan penawaran dengan permintaan
  - D Menjalankan aktiviti pecah pukal
- 35 Apakah jenis media yang sesuai digunakan untuk mengiklankan kedai dobi yang baru dibuka di Taman Maju, Kangar, Perlis?
- A Majalah usahawan
  - B Surat khabar
  - C Risalah
  - D Televisyen

[Lihat halaman sebelah  
SULIT


36 Gambar berikut berkaitan dengan sejenis promosi.



Apakah jenis promosi tersebut?

- A Jualan terus
- B Promosi jualan
- C Pengiklanan
- D Publisiti

37 Rajah berikut menunjukkan carta Strategi Campuran Pemasaran.



Pernyataan manakah yang berkaitan dengan unsur yang bertanda X?

- A Keluaran mestilah dipasarkan dengan segera
- B Keluaran mestilah berkualiti untuk memenuhi cita rasa pengguna
- C Keluaran mestilah mampu bersaing di pasaran
- D Keluaran mestilah diperkenalkan kepada pengguna

- 38 Bagaimanakah agensi kerajaan membantu pengusaha memajukan perniagaan mereka?
- I Melindungi risiko perniagaan
  - II Mengawal kegiatan pesaing
  - III Menyediakan latihan kemahiran
  - IV Mempromosikan keluaran tempatan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 39 Apakah Akta yang melindungi pengguna daripada peniaga yang memberi maklumat palsu?
- A Akta Jualan Barangan 1957  
B Akta Timbang dan Sukat 1972  
C Akta Perihal Dagangan 1972  
D Akta Kawalan Harga 1973
- 40 Apakah maksud konsumerisme?
- A Aktiviti untuk memuaskan kehendak pelanggan  
B Kegiatan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat  
C Usaha untuk melindungi kepentingan pengguna  
D Proses penyediaan latihan kepada peniaga

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

3755/2

PERDAGANGAN

Kertas 2

Nov./Dis.

2 jam

Dua jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian B.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

3755/2 © 2011 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

SULIT




**Bahagian A**

[75 markah]


*Jawab tiga soalan sahaja.*

- 1 (a) Gambar berikut menunjukkan satu keperluan manusia yang perlu dipenuhi mengikut Model Hierarki Keperluan Maslow.



- (i) Apakah keperluan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan keperluan di 1(a)(i). [4 markah]

- (b) Gambar berikut menunjukkan satu aktiviti dalam cabang pengeluaran.



Kilang kereta

- (i) Apakah cabang pengeluaran tersebut? [1 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** jenis cabang pengeluaran di 1(b)(i). [6 markah]

- (c) Jadual berikut menunjukkan jenis produk dan hasil jualan tahunan perniagaan Puan Midah.

Jenis Produk	Hasil Jualan Tahunan		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Kerepek ubi cili api	80 000	130 000	200 000
Kerepek ubi madu	70 000	30 000	10 000
Kerepek ubi tiga rasa	–	80 000	120 000
Kerepek cendawan	50 000	10 000	60 000

Terangkan **dua** ciri yang dimiliki oleh Puan Midah. [4 markah]


- (d) Dialog berikut berkaitan dengan rundingan perniagaan antara dua buah negara yang melibatkan satu sistem perniagaan.

Wakil Negara Indonesia	: Pihak kami boleh menghantar 100 000 tan metrik kelapa sebagai pertukaran dengan peralatan komputer. Adakah pihak tuan setuju?
Wakil Negara Malaysia	: Pihak kami tiada halangan. Namun berapa banyakkah peralatan komputer yang pihak kami harus bekalkan?

- (i) Apakah sistem tersebut? [1 markah]
- (ii) Terangkan syarat lain yang perlu dipenuhi bagi melaksanakan sistem di 1(d)(i). [2 markah]
- (e) Jelaskan perkaitan antara perniagaan dengan perdagangan. [6 markah]



- 2 (a) Terangkan **empat** sebab pelanggan memilih untuk membeli barang daripada peruncit kecil-kecilan. [8 markah]
- (b) Situasi berikut berkaitan dengan sejenis bentuk lain peruncitan.



- (i) Apakah jenis peruncitan tersebut? [1 markah]
- (ii) Mengapakah Puan Ros tidak berminat mendengar penjelasan jurujual tersebut? [6 markah]

- (c) Situasi berikut berkaitan dengan satu kaedah jualan.

Syarikat Roti Bintang memasarkan keluarannya di kedai-kedai runcit. Pasar Mini Girang yang sudah beroperasi selama sepuluh tahun, membenarkan Syarikat Roti Bintang menjual roti di premisnya. Setiap tiga hari pekerja syarikat akan menghantar bekalan roti, mengambil semula roti yang tidak laku dijual dan membayar komisen kepada Pasar Mini Girang.

- (i) Apakah kaedah jualan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan **lima** kelebihan kaedah jualan di 2(c)(i) kepada Syarikat Roti Bintang. [5 markah]
- (d) Syarikat Goodhealth telah berjaya memasarkan produk sarang burung keluarannya di pasaran tempatan. Oleh itu syarikat bercadang untuk meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun syarikat kekurangan modal dan pengalaman untuk memasarkan produknya sendiri.
- Terangkan **dua** cara Syarikat Goodhealth dapat memasarkan produknya ke pasaran antarabangsa. [4 markah]

- 3 (a) Kilang Teguh Sendirian Berhad beroperasi di Nilai, Negeri Sembilan dengan bilangan pekerja seramai 120 orang. Kilang ini menghasilkan bateri kereta di mana hampir 50% bateri keluarannya dijual kepada Syarikat PROTON. Pada tahun 2010, kilang ini memperoleh pendapatan sebanyak RM20 juta. Pihak pengurusan membuat keputusan untuk menabung sejumlah RM1 juta di sebuah bank tempatan.

Terangkan **tiga** sumbangan Kilang Teguh Sendirian Berhad kepada negara.

[6 markah]

- (b) Dialog berikut adalah antara Encik Hamid, pemilik syarikat dengan Encik Jafri, pengurus syarikat berkaitan pengurusan stok.

Encik Hamid : Encik Jafri, bagaimanakah dengan stok syarikat kita? Adakah stok kita mencukupi untuk bulan ini?

Encik Jafri : Cukup tuan. Saya dah senaraikan semua barang. Saya memesan lagi stok tambahan dari pembekal. Pembekal terpaksa beri kita kualiti barang yang agak rendah sebab bekalan kurang.

Encik Hamid : Adakah mereka sudah hantar barang yang dipesan?

Encik Jafri : Sudah tuan.

Encik Hamid : Barang-barang ni bersepah-sepah. Ada awak rekod semua stok keluar masuk?

Encik Jafri : Ada tuan. Saya dah catat atas kertas. Barang-barang ini saya belum sempat susun. Barang-barang ini diterima oleh pengawal keselamatan sebab saya cuti semalam.

Jika anda adalah Encik Hamid, adakah anda bersetuju dengan pengurusan stok tersebut?

Kemukakan **enam** alasan.

[7 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

Encik Bakri ialah pemilik kedai alat tulis. Perniagaannya mempunyai ramai pelanggan dari pelbagai kaum. Dua orang rakan beliau mempelawanya membesarkan perniagaan secara perkongsian tetapi beliau bertindak untuk menolak pelawaan tersebut.

Terangkan **tiga** kelebihan yang akan Encik Bakri peroleh atas tindakannya.

[6 markah]

- (d) Jadual berikut berkaitan dengan dua jenis pelan simpanan tetap yang sedang difikirkan oleh Encik Wahab.

Jenis Pelan	Jumlah Simpanan	Tempoh Simpanan	Agihan Keuntungan
A	RM50 000	1 tahun	2 %
B	RM10 000	3 tahun	4 %

- (i) Jenis pelan manakah yang akan dipilih oleh Encik Wahab?

Kemukakan alasan anda.

[2 markah]

- (ii) Hitungkan amaun yang akan beliau peroleh di 3(d)(i) apabila simpanannya matang.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 4 (a) Situasi berikut berkaitan dengan jenis risiko yang dihadapi oleh Puan Julie, pemilik Butik Anggun.

<b>Situasi I</b>	Pakaian yang diimport dari Paris di Butik Anggun tidak laku kerana pelanggan sudah tidak meminati fesyen tersebut.
<b>Situasi II</b>	Butik Anggun terletak bersebelahan kedai menjual bahan-bahan kimia yang mudah terbakar.

Terangkan jenis risiko di:

- (i) Situasi I [2 markah]
- (ii) Situasi II [2 markah]

(b) Jelaskan polisi insurans yang diperlukan bagi setiap situasi berikut:

- (i) Encik Kim bimbang tentang kos rawatan perubatan yang semakin meningkat. [3 markah]
- (ii) Puan Jihan membeli sebuah rumah bernilai RM250 000 melalui pinjaman bank. [3 markah]
- (iii) Syed Malik bimbang tentang kos pengajian anak-anaknya di institusi pengajian tinggi pada masa hadapan. [3 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan perbualan tentang urusan penghantaran barang eksport.



Jika anda adalah Encik Ram, apakah kapal yang akan anda pilih?

Kemukakan **empat** alasan.

[5 markah]


- (d) Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis gudang.

Pasar Raya Ef-Es memiliki sebuah gudang. Barang yang dibeli daripada pengeluar disimpan di dalam gudang ini sebelum dijual kepada pelanggannya.

- (i) Apakah jenis gudang tersebut? [1 markah]
- (ii) Terangkan peranan gudang di 4(d)(i) kepada Pasar Raya Ef-Es. [6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 5 (a) Iklan berikut mengandungi gaya tarikan untuk menarik perhatian pengguna.



Huraikan **dua** gaya tarikan iklan tersebut.

[6 markah]

- (b) Jelaskan peranan agensi kerajaan berikut:

(i) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

[3 markah]

(ii) Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)

[3 markah]

(iii) UDA Holdings Berhad

[3 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan tanggungjawab pengeluar kepada pengguna.

- Mengutamakan kebajikan pengguna di samping mencari keuntungan
- Menjual barang yang berkualiti
- Mematuhi sukatan dan timbangan
- Menetapkan harga yang berpatutan

Terangkan **tiga** tanggungjawab pengeluar kepada pengguna selain daripada yang dinyatakan di atas.

[6 markah]

- (d) Dialog berikut adalah antara Suria, seorang pelanggan dengan Wati, seorang pekedai kain.

Suria	:	Eh, lawanya kain ini. Coraknya cantik.
Wati	:	Ambillah puan. Sekarang ada potongan harga 20 %. Dah ramai orang beli.
Suria	:	Tapi... saya baru beli sepasang kain minggu lepas. Belum tempah pun lagi.
Wati	:	Tak jadi masalah. Puan boleh tempah kemudian. Lagi pun coraknya cantik dan terkini. Tentu suami puan pun suka kalau puan pakai baju cantik. Inilah masanya puan boleh menggayakan corak terkini.
Suria	:	Betul juga. Saya boleh pakai pergi kenduri kahwin bulan depan. Kalau macam tu saya mahu 4 meter.
Wati	:	Kain ni tinggal 5 meter. Puan kena ambil semua. Kalau potong 4 meter nanti saya rugi.
Suria	:	Baiklah.

Pada pendapat anda, adakah Suria merupakan pembeli yang bijak?

Kemukakan **tiga** alasan.

[4 markah]



**Bahagian B**

[25 markah]

*Soalan ini wajib dijawab.*

- 6 Encik Hijaz merupakan Pengarah Urusan di Badruzzaman Associate, syarikat perunding pembinaan. Beliau sering ke luar daerah untuk melawat tapak-tapak projek. Segala urusan pentadbiran kewangan diserahkan kepada akauntan syarikat yang telah berkhidmat lebih lima tahun di situ. Beliau amat mempercayainya. Baru-baru ini beliau menerima panggilan telefon daripada pihak bank yang menyatakan terdapat kecurigaan di dalam keluar masuk wang di dalam penyata bank. Beliau mengarahkan pihak bank menghantar segera salinan penyata bank tersebut terus kepadanya ketika beliau berada di pejabat.

Berikut adalah salinan penyata bank yang diterima oleh Encik Hijaz.

<b>Bank Sejahtera Berhad</b>					
2, Jalan Mesra Alam 2 56000 Kuala Lumpur					
Badruzzaman Associate 28, Jalan Mesra Damai 8 54000 Kuala Lumpur			No. Akaun : 12542025205 Tarikh Penyata: 1 Feb 2011		
Penyata Bank					
Tarikh	Butiran	No. Cek	Wang Keluar (Debit)	Wang Masuk (Kredit)	Baki
			(RM)	(RM)	(RM)
2011					
Jan 1	Baki b/b				16 000.00
3	Deposit			5 000.00	21 000.00
7	Cek tak laku		5 000.00		16 000.00
10	Insurans		250.00		15 750.00
18	Deposit			10 000.00	25 750.00
24	Deposit			4 000.00	29 750.00
25	Caj bank		15.00		29 735.00
27	Deposit			6 000.00	35 735.00
28	Cek tak laku		6 000.00		29 735.00
31	Cek	25022	40 000.00		(10 265.00)

Setelah meneliti dokumen tersebut, Encik Hijaz hanya menyedari cek pada 7 Januari menjadi cek tak laku disebabkan cek itu telah tamat tempoh. Tetapi beliau masih tidak faham mengapa terdapat cek yang telah ditolak pembayaran oleh bank sekali lagi pada 28 Januari. Jumlah wang yang dimasukkan ke dalam akaun juga tidak sepadan dengan jumlah resit yang dikeluarkan. Setelah menyiasat, beliau dapati akauntan syarikat telah menyeleweng wang tersebut. Beliau terus memberi kata dua kepada akauntan syarikat untuk membayar balik jumlah wang yang telah diselewengkan atau dipecat. Beliau tidak mahu lagi menanggung risiko penyelewengan tersebut. Akauntan syarikat tersebut gagal memenuhi tuntutan beliau.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) (i) Apakah jenis perkhidmatan komunikasi yang sesuai digunakan oleh pihak bank untuk menghantar salinan penyata bank tersebut? [1 markah]
- (ii) Mengapakah perkhidmatan di 6(a)(i) digunakan? [4 markah]
- (b) (i) Apakah jenis akaun simpanan yang digunakan oleh Badruzzaman Associate? [1 markah]
- (ii) Jelaskan **lima** kelebihan apabila menggunakan jenis akaun simpanan di 6(b)(i). [5 markah]
- (c) Berapakah amaun overdraf yang telah dibuat oleh syarikat? [1 markah]
- (d) Jelaskan **enam** sebab lain yang menyebabkan cek pada 28 Januari ditolak pembayarannya oleh bank. [6 markah]
- (e) Huraikan jenis insurans yang perlu diambil oleh Encik Hijaz bagi menghadapi risiko tersebut. [3 markah]
- (f) Terangkan **dua** aspek pengendalian pengurusan kewangan yang telah dilaksanakan oleh Encik Hijaz. [4 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT